



PENGIKTIRAFAN PERKAHWINAN LUAR NEGARA (THAILAND)
MENGIKUT ENAKMEN KELUARGA ISLAM NEGERI
KELANTAN NO 1 1983

RAZALI BIN ISMAIL

Kertas Projek ini satu latihan ilmiah untuk sebahagian daripada keperluan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam sesi 1994/95

Kulliyyah Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

April 1995

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

MSD, UIA

Date Recieved: 6/11/95

mf.

ABSTRAK

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 1 tahun 1983 diluluskan oleh Dewan Negeri pada 14 hb April, 1993. Undang-undang ini untuk memperkemas mengenai perkahwinan, penceraian, nafkah, penjagaan anak dan lain-lain yang berhubung dengan kehidupan keluarga Islam. Perkahwinan di luar negara (Thailand) adalah salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh masyarakat negeri ini.

Kajian ini cuba melihat masalah dan penyelesaian yang diperuntukan dalam Enakmen ini. Perbincangan ditumpukan kepada amalan dan cara yang dijalankan oleh Mahkamah Qadhi dengan merujuk kepada prosedur dan kaedah-kaedah yang selalu dijalankan.

Secara umumnya kajian ini cuba menganalisis permasalahan dan kes-kes yang berkaitan dengan perkahwinan tersebut.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah penulis mengucapkan setinggi-tinggi syukur ke hadhrat Allah s.w.t kerana dengan taufik dan hidayatnya dapatlah penulis menyiapkan latihan Ilmiah ini dengan jayanya walaupun dalam serba kekurangan dan ketidak sempurnaan.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahgia Utaz Idris Omar dan Yang Berbahgia Prof. Madya Dr. Abdullah Abu Bakar selaku Penyelia bersama dalam penulisan ini, atas bimbingan, nasihat, tunjuk ajar serta idea-idea yang diberikan sehingga latihan ini dapat disiapkan.

Terima kasih juga kepada Timbalan Qadhi Besar Negeri Kelantan; Ustaz Rawi Mohd. Yaman, Qadhi Jajahan Kota Bharu; Ustaz Mokhtar Mohamad, Qadhi Jajahan Tumpat; Ustaz Zulkifli Nor dan Qadhi Jajahan Rasir Mas; Ustaz Abdullah man, serta terima kasih kepada semua kakitangan Pejabat Qadhi Basar, semua kakitangan Pejabat Qadhi Jajahan Kota Bharu, semua kakitangan Pejabat Qadhi jajahan Tumpat dan semua kakitangan Pejabat Qadhi Jajahan Pasir Mas, atas kerjasama yang diberikan kepada penulis dalam mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan.

Ucapan terima kasih juga kepada para pensyarah Universiti Islam Antarabangsa kerana tanpa jemu membimbing dan mengajar penulis, jasa dan pengorbanan itu amat dihargai dan Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Akhir sekali, penghargaan istimewa untuk keluarga dan sahabat-sahabat yang sudi memberi idea dan rangsangan yang tinggi kepada penulis.

Wassalam.

Razali bin Ismail

Kampung Talak, Chabang Empat

Tumpat

Kelantan

PENDAHULUAN

Perkahwinan sebagai suatu institusi keluarga telah disyariatkan sejak mula manusia lahir, bermula sejak Nabi Adam a.s sehingga kepada generasi kini akan tetap dan terus diamalkan oleh manusia untuk menunaikan tuntutan naluri dan tabienya, dalam menunaikan keperluan itu berbagai bentuk dan ragam acara perkahwinan dilakukan.

Dalam Islam acara dan kaedah perkahwinan untuk menyatukan kehidupan dua jenis insan itu telah disusun dan diatur dengan rapi, berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Ulama-ulama Fekah telah merangka dan mengumpul peraturan yang terkandung di dalamnya untuk menjadi panduan kepada pembentukan keluarga dan pengembangan serta pembangunan manusia.

Dikenali dalam hukum Fekah sebagai Bab al nikah atau istilah yang barunya Ehwai Al syakhsiah. Ia mengandungi pelbagai peraturan dan hukum yang bermula dari peminangan, akad perkahwinan (akad nikah), penceraian, nafkah, hadhanah dan lain-lain yang berkaitan dengan terang dan jelas.

Pun begitu oleh kerana ragam manusia bermacam dan berbeza maka berlakulah pelanggaran dan penyelewengan terhadap hukum dan peraturan tersebut.

Bertolak dari situlah penulis berminat terhadapnya dan cuba membuat kajian dari sebahagian masalah yang wujud dan berlaku dikalangan masyarakat khususnya masyarakat yang tinggal di negeri Kelantan dengan penumpuan terhadap perkahwinan yang tidak diresrtui oleh keluarga amnya dan bapa atau wali khususnya, dan bagaimana pula peranan undang-undang dalam menangani permasalahan itu.

Objektif Kajian

1. Untuk mengetahui peruntukan-peruntukan yang ada didalan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan No.1 1983 berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah.
2. Untuk melihat sejauhmana kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap fungsi, tujuan dan hikmat perkahwinan.

3. Untuk melihat sikap dan prihatin masyarakat terhadap peruntukan Enakmen tersebut.
4. Untuk melihat kaedah dan prosedur yang digunakan oleh mahkamah dalam memutuskan kedudukan perkahwinan itu.
5. Untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh mahkamah dalam menangani kes-kes tersebut.

Bidang Kajian

Dalam kajian ini penulis menumpukan kajian terhadap kes-kes yang berlaku dalam tempoh lima tahun sejak 1989 hingga 1993 yang terkumpul di seluruh negeri Kelantan. Tumpuan khusus kepada Mahkamah Qadhi Jajahan Tumpat dan Mahkamah Qadhi Jajahan Pasir Mas kerana kedua-dua Jajahan tersebut kedudukannya bersempadan dengan Selatan Thailand yang menjadi tempat berlakunya perkahwinan tanpa izin atau tanpa kebenaran mahkamah.

Metodologi Kajian

Dalam membuat kajian ini penulis menggunakan dua kaedah penyelidikan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan iaitu:

- 1) Metod Dokumentasi
- 2) Metod Temubual

1) Metod Dokumentasi

Dalam membuat kajian ini penulis banyak menggunakan kitab-kitab, statut, risalah dan catatan-catatan kes yang dibuat di mahkamah.

2) Metod Temubual

Dilakukan oleh penulis dengan melakukan perbincangan terhadap tajuk yang dipilih dengan Timbalan Qadhi Besar Kelantan, Qadhi Jajahan Tumpat dan Qadhi Jajahan Pasir Mas.

Masalah Kajian

Sepanjang masa membuat kajian ini penulis tidak mengalami banyak masalah selain dari kesuntukan masa. Pada keseluruhannya penulis dapat kerjasama yang baik dari kaki-tangan Pejabat Qadhi Besar Kelantan, Pejabat Qadhi Kota

Bharu, Pejabat Qadhi Tumpat dan Pejabat Qadhi Pasir Mas.
Penulis ucapkan jutaan terima kasih diatas kerjasama yang
mereka berikan.

DAFTAR STATUT

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 1, 1983

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan No.
3, 1982

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan No.
2, 1991

Enakmen Kanun Jenyah Syariah No.1, 1983

Perlembagaan Malaysia

SENARAI KES

Pendakwa Syarie Negeri Kelantan

lawan

- 1. Mohamad bin Mohd Qasim**
- 2. Rosnani bt Salleh**

**Bilangan 109/93
Mahkamah Qadhi Pasir Mas**

Pendakwa Syarie Negeri Kelantan

lawan

Kamaruddin bin Husin

**Bilangan 23/93
Mahkamah Qadhi Tumpat**

Pendakwa Syarie Negeri Kelantan

lawan

- 1. Hanafi bin Awang**
- 2. Salwaini bt Abdullah**

**Bilangan 90/93
Mahkamah Qadhi Tumpat**

Ahmad bin Isa

lawan

Aminurdin bin Mohamad

**Bilangan 21/91
Mahkamah Qadhi Pasir Mas**

ISI KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	I
Pendahuluan	III
Daftar Statut	VIII
Senarai Kes	IX
BAB 1: Perkahwinan Dalam Islam	
1.1 : Pengerian Perkahwinan	1
1.2 : Galakan Perkahwinan	1
1.3 : Tujuan Perkahwinan	5
1.3.1 : Mendaulatkan Kalimah Allah	6
1.3.2 : Institusi Pembina Tamadun Manusia	6
1.3.3 : Memperluas dan Mengeratkan Silarurrahim	7
1.3.4 : Menanam Semangat Bertanggungjawab	8
1.3.5 : Memelihara Kehormatan Diri	9
1.3.6 : Untuk Menyambung Generasi Manusia	11
1.3.7 : Memenuhi Keperluan Hidup	11
1.4 : Hukum Perkahwinan	13
1.5 : Rukun Perkahwinan	14
1.5.1 : Pengantin Lelaki	15
1.5.2 : Pengantin Perempuan	15
1.5.3 : Wali	23
1.5.3.1 : Wali Nasab	24
1.5.3.2 : Waki Hakim	34
1.5.4 : Saksi	41
1.5.5 : Singhah	42
BAB 11 : Poligami	
2.1 : Poligami Dalam Islam	43
2.2 : Hikmah Keizinan Poligami	53
2.3 : Kesan Poligami	54
BAB 111 : Undang-undang Keluarga	
3.1 : Undang-undang Keluarga Islam	57
3.2 : Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia	61
3.3 : Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan	63

BAB 1V	: Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan No 1 Tahun 1983	
4.1	: Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 1 Tahun 1983	67
4.2	: Perkahwinan Luar Negara (Thailand)	72
4.3	: Angka Perkahwinan Luar Negara dari Tahun 1989-1993	91
BAB V	: Kesimpulan dan Saranan	95
	Penutup	100
	Rujukan	103
	Lampiran	

BAB 1

PERKAHWINAN DALAM ISLAM

1.1 Pengertian Perkahwinan

Perkataan nikah menurut bahasa Arab ialah bersetubuh atau wati atau bercantum atau berhimpun. Di dalam pengertian syarak ia boleh diertikan kepada beberapa pengertian antaranya ialah suatu akad yang mengandungi beberapa rukun dan syarat, ia juga diertikan sebagai suatu akad yang memperbolehkan seorang lelaki dan wanita bergaul bebas dan melakukan persetubuhan. Nikah dalam Islam pada hakikatnya ialah perlakuan akad, oleh sebab itu jika seseorang bersumpah tidak mahu berkahwin, dia mesti bersumpah dengan akad.

1.2 Galakan Perkahwian

Di dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat yang menggalakkan dan mendorong orang lelaki dan perempuan berkahwin, ayat-ayat tersebut antaranya:

Allah berfirman,

فَانكحوا ما طاب لكم من النساء من ثلثة واربعة فان كنتم
الا تملوا فواحدة .

yang bermaksud:

Maka kahwinlah perempuan-perempuan yang kamu suka, dua, tiga dan empat, tetapi kalau kamu bimbang tidak berlaku adil (diantara perempuan-perempuan itu) maka kahwinlah seorang sahaja.¹

Firman Allah,

وَانكحُوا الّٰتِيسَ مِنْكُمْ وَالصّٰلِحِيسَ مِنْ بَنَاتِكُمْ وَاَمَاتِكُمْ

bermaksud:

Dan kahwinlah orang-orang yang sendirian (janda) diantara kamu dan hamba sahaya lelaki dan perempuan yang patut.²

Di dalam hadis Rasulullah s.a.w bersabda,

يا مفسر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فانده اغضى البصر
واهنى المنون ومن لم يستطع فعليه بالصوم فانده له وجاهه.
رواه البخاري والبخاري

bermaksud:

Wahai orang-orang muda sesiapa diantara kamu

1. Surah An-Nisa 4:3

2. Annur 24:32

yang mampu berkahwin maka hendaklah ia berkahwin kerana ia (iaitu berkahwin) itu dapat mengawal mata dan kemaluan, barangsiapa yang tidak mampu maka hendaklah dia berpuasa, kerana ia (iaitu berpuasa) akan menjadi penjaga baginya.³

لكن انا اهل وانا م واهوم وانظر واتزوج النساء فمن رغب
عن سنتي فليس مني

bermaksud:

Akan tetapi aku menunaikan sembahyang, tidur, aku juga berpuasa dan berbuka, dan berkahwin dengan perempuan-perempuan, barangsiapa tidak suka dengan sunnahku maka dia bukanlah dari golonganku.⁴

وعن انس قال : قال رسول الله (ص) اذا تزوج العبد فقد
استكمل نصف الدين فليتق الله في النصف الباقي

bermaksud:

Daripada Anas dia berkata : Rasulullah s.a.w bersabda apabila berkahwin seseorang hamba Allah maka dia telah menyempurnakan separuh agamanya, maka hendaklah dia

3. Jalaluddin Assayuti-Sunan Annasai juzu 6 hlm 8

4. Ibid

bertakwa kepada Allah pada separuh yang baki lagi itu.⁵

تَنَافَحُوا تَكْثُرُوا فَإِنِّي أَبَاهِي بِكُمْ الْيَوْمَ بِرُومِ الْقِيَامَةِ هَسَّ
بِالْقِصَّةِ

bermaksud:

Berkahwinlah sekalian kamu supaya menjadi ramai, kerana bahawasanya aku bermegah-megah dengan ramai sekalian kamuitu akan umat yang dahulu pada hari kiamat⁶ hingga anak yang keguguran.

مَنْ نَزَّحَ لِلَّهِ وَانْتَحَى لِلَّهِ اسْتَقْبَلَ وَلا يَدُ اللَّهُ

bermaksud:

Barang siapa berkahwin kerana Allah dan mengahwin-⁷kan kerana Allah nescaya mustahak ia akan wilayah Allah.

مَنْ كَانَ ذَا لَهْوٍ فَلْيَسْتَوْزِعْ

-
5. Muhammad bin Abdullah Al Shabrizi Misykatul Al Mashabih, susunan Nasruddin Al Bani, cetakan pertama-Damsyik 1961 hlm 161
 6. Abu Hamid Muhammad bin Muhammadi Al Ghazali Ihya Ulumiddin Jilid 2 hlm 359. Terjemahan Prof H. Ismail Yaakub MA-5H
 7. Ibid

bermaksud:

Barangsiapa yang mempunyai kemurahan hendaklah
8
ia berkahwin.

4-
Ulama berbeza pendapat tentang keutamaan
berkahwin, setengah dari mereka amat memberi keutamaan
sehingga mendakwa bahawa berkahwin itu lebih utama
(afdhal) daripada menguruskan diri beribadat kepada
Allah, yang lain mengakui keutamaan berkahwin tetapi
menjuruskan kepada ibadat lebih dahulu adalah lebih utama
9
jika dirinya terkawal dari perbuatan jahat.

1.3 Tujuan Perkahwinan

Perkahwinan dalam Islam adalah suatu yang suci
dan murni bagi mencantumkan dua insan yang berlainan
jenis ke dalam satu ikatan "akad" perkongsian hidup
untuk mencapai kebahagiaan dan kerahmatan Allah s.w.t, ia
mempunyai matlamat dan tujuan yang antara lain ialah;

8. Ibid

9. Ibid

1.3.1 Mendaulatkan Kalimah Allah

Perkahwian merupakan suatu peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t keatas manusia oleh kerana itu ia merupakan ibadat kepada Allah.¹⁰

Sabda Rasullullah s.a.w

اذا تزوج العبد فقد استكمل نصف الدين فليتق الله
في النصف الباقي

bermaksud:

Apabila seseorang hamba berkahwin maka sesungguhnya ia telah menyempurnakan separuh dari agamanya maka hendaklah dia bertaqwa pada yang separuh baki lagi itu.¹¹

1.3.2 Institusi Pembina Tamadun Manusia

Sesuatu tamadun adalah berpunca dari kewujudan individu yang mempunyai sikap, watak dan keperibadian

10. Farid Maaruf Nor - Menuju Keluarga Sejahtera dan Bahgia hlm 42

11. Op cit

yang sempurna. Kesempurnaan manusia akan lahir dari keluarga yang bahagia dan sempurna, keluarga yang bahagia dan sempurna adalah keluarga yang diikat melalui akad perkahwinan yang mampu mendidik dan mengasuh anak-anak menjadi insan yang beriman dan taqwa anak-anak yang dilahirkan itu adalah tanggungjawab ibu bapa men-
corak kehidupan mereka apabila dewasa, peranan ibu bapa amat besar dalam menentukan kehidupan anak-anak.¹²

Sabda Rasulullah s.a.w,

كل مولود يولد على الفطرة فابواه يهودانه او ينصرانه
او يمجسانه .

yang bermaksud:

Tiap-tiap anak yang dilahirkan adalah atas Fitrah (suci) maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi

1.3.3 Memperluas dan Mengeratkan Silaturrahim

Mengeratkan silaturrahim, mempersaudarakan dan perpaduan sesama manusia amat di galakkan oleh Islam. Perkahwinan adalah cara yang terbaik bagi mengeratkan silaturrahim dan memperluaskan lagi hubungan

12. Abdul Rashid Md Din - Pedoman Kearah Membina Rumahtangga Islam hlm 189

persaudaraan di dalam masyarakat di mana perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang perempuan membawa implikasi mengeratkan hubungan kaum kerabat antara dua pihak, ini dijelaskan oleh Allah s.w.t di dalam ayat berikut:

ومن آياته ان خلق لكم من انفسكم ازواجا لتكنوا اليها واصل
بينكم مودة ورحمة ان في ذلك لآيات لقوم يتفكرون

bermaksud:

Dan diantara tanda-tanda kebesarannya ialah diciptakannya untukmu jodoh (isteri) dari jenismu, supaya kamu dapat tinggal bersama, dan dijadikan cinta dan kasih sayang antara kamu, sesungguhnya dalam hal yang demikian ada tanda-tanda kebesaran Allah bagi kamu yang berfikir.

1.3.4 Menanamkan Semangat Bertanggungjawab

Manusia adalah makhluk yang ditugaskan untuk menjadi khalifah di atas muka bumi ini dan segala perbuatannya dipertanggungjawabkan. Perkahwianan adalah suatu intitusi yang mengikat mereka daripada lari dari

13. Surah Ar-rum 21:30

tanggungjawab sebagai khalifah Allah s.w.t di muka bumi ini dengan menjadi isteri dan anak sebagai amanah Allah s.w.t yang perlu kepada pemeliharaan dan penyempurnaan amanah itu, hal ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis berikut:

اتقوا الله في النساء فإنكم أخذتموهن بأمانة الله

bermaksud:

Takutlah kepada Allah tentang wanita (isterimu) sebab dia kamu ambil (kahwin) dengan amanah dari Allah.

1.3.5 Memelihara Kehormatan Diri

Sifat semulajadi ciptaan Allah s.w.t iaitu berpasangan-pasangan dan saling perlu-memerlukan untuk menyempurnakan keperluan kehidupan mereka, berumahtangga adalah satu fitrah kehidupan dan mendirikan rumah-tangga adalah merupakan satu langkah pemeliharaan kehormatan diri seseorang makhluk manusia, sebaliknya menolaknya bererti mendedahkan diri kepada keruntuhan kehormatan tersebut.

14. Tamar Jaya : Tuntutan Perkahwinan dan Rumahtangga Islam - Jakarta hlm 15 jld 1 PT. ALMAARIF

Seseorang yang telah berkahwin sentiasa memelihara dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab sama ada sebagai seorang suami, isteri, ibu bapa atau sebagainya, hal ini hanya dapat dilaksanakan setelah perkahwinan berlaku, ¹⁵ Rasulullah s.a.w menjelaskan dalam hadis seperti berikut:

يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فإنه
أغنى البصر والعين للفرج ومن لم يستطع فعليه بالصوم
فإنه له وجاء
رواه الجماعة والبخاري

bermaksud:

Wahai orang-orang muda sesiapa diantara kamu yang mampu berkahwin, maka hendaklah dia berkahwin kerana ia (iaitu berkahwin) dapat mengawal mata dan kemaluan, barang siapa yang tidak mampu maka hendaklah dia berpuasa kerana ia (berpuasa itu) akan menjadi penjaga baginya.

Hadis riwayat Jamaah dan Bukhari.

15. FARID MAAROF NOR - op cit

1.3.6 Untuk Menyambung Generasi Manusia

Rumahtangga merupakan sumber kesinambungan generasi manusia, tiada institusi lain yang dapat menggantikan institusi keluarga dalam menyambung generasi manusia, hal ini terbukti nyata sejak dari Adam a.s hingga hari ini.

Firman Allah:

يا ايها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة
وفلق منها زوجا وبن منها رجالا كثيرا ونساء

maksudnya:

Wahai sekalian manusia bertaqwalah kamu kepada tuhan yang telah menjadikan kamu dari satu diri (Adam) lalu ia jadikan daripadanya isteri (Hawa) kemudian dikembangkan dari keduanya lelaki dan perempuan.

1.3.7 **Memenuhi Keperluan Hidup**

Keperluan antara lelaki dan perempuan adalah sama untuk saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain untuk saling mengawal dan memelihara dari segala bahaya,

16. Surah An-nisa 1:4